PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MESYUARAT SENAT UNIVERSITI

PENAWARAN KURSUS BARU OLEH INSTITUT

1. 0 LATAR BELAKANG

1.1 Semua Institut menawarkan kursus kepada pelajar-pelajar siswazah yang mendaftar dengan institut masing-masing. Pelajar institut sewajarnya diberikan kursus sama seperti yang diperoleh oleh pelajar di fakulti.

1.2 Kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar institut akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan pelajar dalam bidang masing-masing. Kursus seperti Kaedah Penyelidikan diwajibkan kepada semua pelajar bagi membantu mereka menjalankan penyelidikan masing-masing.

1.3 Melalui penawaran kursus, Felo di Institut akan turut sama terlibat dalam pengajaran dan dapat membantu memenuhi KPI pengajaran mereka.

1.4 Kursus ini ditawarkan mulai semester 1 sesi 2011/2012. Kursus Kaedah Penyelidikan telah mula ditawarkan pada semester 1 2010/2011 dengan jumlah 4 jam kredit.

1.5 Kursus-kursus yang ditawarkan oleh setiap institut adalah WAJIB bagi pelajar institut berkenaan dan menjadi PILIHAN kepada pelajar dari institut lain. Jumlah jam kredit bagi setiap kursus ialah 2 jam, dan jumlah keseluruhan jam kredit yang diwajibkan kepada setiap pelajar adalah 6 jam kredit bagi pelajar Sarjana dan 8 jam kredit bagi pelajar Doktor Falsafah (termasuk kursus kaedah penyelidikan yang telah bermula pada semester 1 & 2 2010/2011).

2.0 PELAKSANAAN

2.1 Calon Sarjana akan mengambil kursus yang ditawarkan termasuk kursus Kaedah penyelidikan (4 jam kredit) dan satu kursus lain dari institut masing-masing yang menjadikan ianya 6 jam kredit secara keseluruhan untuk Sarjana.

2.2 Bagi calon Doktor Falsafah, pelajar perlu mengikuti kursus Kaedah Penyelidikan (4 jam kredit) di samping dua kursus lain di institut masing-masing atau institut lain. Setiap kursus mempunyai 2 jam kredit dan secara keseluruhan untuk pelajar Doktor Falsafah mesti mendaftar ialah 8 jam kredit. Jumlah 8 jam kredit adalah munasabah untuk pelajar Doktor Falsafah dan ianya akan memberi banyak ruang untuk pelajar menjalankan penyelidikan mereka.

2.3 Penawaran kursus ini adalah merentas institut, di mana pelajar boleh mengambil kursus di institut lain untuk menggenapkan jam kredit (8 jam kredit bagi calon Doktor Falsafah) dan bagi calon Sarjana mereka perlu mengambil hanya satu kursus yang ditawarkan oleh institut masing-masing bagi menggenapkan 6 jam kredit .

2.4 Bagi markah akhir (peperiksaan), mesyuarat bersetuju untuk menetapkan sistem LULUS dan GAGAL. Calon yang gagal perlu mengulang subjek berkenaan bagi tujuan lulus dan layak dianugerahkan ijazah (pengijazahan).

2.5 Syarat kursus kepada pelajar institut ini adalah wajib kepada pelajar siswazah yang mendaftar untuk sesi 1 2011/2012 dan telah mengambil kursus Kaedah Penyelidikan pada (sesi 2 2010/2011).

2.6 Pelajar Doktor Falsafah yang telah mengikuti kursus Kaedah Penyelidikan semasa pengajian Sarjana boleh memohon pengecualian dari mengikuti kursus ini daripada Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah.

(1) Kod Kursus : ZIRC 6012

(2) Nama Kursus : Pengantar Kajian Rantau Asia Barat

(3) Taraf Kursus : Institut (Wajib)

(4) Sinopsis :

Kursus ini bertujuan membincangkan aspek politik, ekonomi dan sosial rantau Asia Barat dan kajian serta penyelidikan yang boleh dilaksanakan mengenainya. Liputan masa adalah merangkumi zaman pra dan awal Islam, zaman pertengahan dan moden yang meliputi pelbagai negara di rantau Asia Barat. Antara aspek yang akan diulas ialah sejarah, tamadun, kebudayaan, kesenian, politik, hubungan antarabangsa, ekonomi dan sains serta teknologi di rantau tersebut. Selain itu, isu-isu mutakhir dan terkini tentang Asia Barat turut diketengahkan seperti konflik Israel - Palestin, campur tangan Barat di negara Arab, perkembangan ekonomi dan sosial Asia Barat dan seumpamanya. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada hubungan Asia Barat dengan Asia Tenggara terutamanya Malaysia.

(5) Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

(6) Rujukan:

Abdul-Rahman,Yahia. 2010. *The Art of Islamic Banking and Finance, Tools & Techniques for Community-Based Banking.* London: by John Wiley & Sons.

Atasoy, Yildiz. 2005. *Turkey, Islamist, and Democracy Transition and Globalization in a Muslim State*. London: J.B Tauris.

Peters, J. 2005. *The Arab Handbook.* London: Stacey Inc.

Selb, Philip. 2009. *New Media and the New Middle East*. New York: The Palmgrave Macmillan.

Tyler, P. 2009. *A World of Trouble: The White House and the Middle East*. London: FSG Books.

(7) Matriks Hasil Pembelajaran

Bil	**Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)**	Bloom	HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	**Pengajaran**	**Penilaian**
1	Memahami aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial rantau Asia Barat dan kajian serta penyelidikan yang boleh dilaksanakan mengenainya.		2	2	3	2	2	2	Kuliah, perbincangan, pembentangan	Perbincangan, Seminar (pembentangan kertas kerja) & Penglibatan/keaktifan dlm kelas
2	Berkebolehan menganalisis aspek-aspek sejarah, tamadun, kebudayaan, kesenian, politik, hubungan antarabangsa, ekonomi dan sains serta teknologi di rantau tersebut.		2	2	3	3	2	2	Kuliah, perbincangan, pembentangan (seminar)	Perbincangan, Seminar (pembentangan kertas kerja) & Penglibatan/keaktifan dlm kelas
3	Berkebolehan menghurai isu-isu mutakhir dan terkini tentang Asia Barat seperti konflik Israel - Palestin, campur tangan Barat di negara Arab, perkembangan ekonomi dan sosial Asia Barat.		3	2	3	3	2	2	Kuliah, perbincangan, pembentangan (seminar)	Perbincangan, Seminar (pembentangan kertas kerja) & Penglibatan/keaktifan dlm kelas
4	Berkebolehan mengsintesis prospek hubungan rantau Asia Barat dengan Asia Tenggara khususnya Malaysia.		2	2	2	3	2	2	Kuliah, perbincangan, pembentangan (seminar)	Perbincangan, Seminar (pembentangan kertas kerja) & Penglibatan/keaktifan dlm kelas

1 = Memenuhi HPP tanpa penilaian rasmi
2 = Memenuhi separa HPP dengan penilaian rasmi
3 = Memenuhi sepenuh HPP dengan penilaian rasmi
Memahami = Aras kedua dalam Taksonomi Bloom
Berkebolehan = Aras ketiga atau lebih tinggi dalam Taksonomi Bloom

(8) Rancangan Mengajar

Minggu	Topik	Kuliah	Tutorial	Lab	PBL	Diskusi kumpulan	Kuiz, ujian, peperiksaan	Pembentangan	Belajar Kendiri	Jumlah Belajar
1	Pengenalan Rantau Asia Barat (Sejarah, Lokasi, Sumber dll)	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
2	Isu-isu Sejarah dan Tamadun Asia Barat dari Zaman Awal hingga Pertengahan	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
3	Isu-isu Politik, Pendidikan dan Hubungan Antarabangsa Rantau Asia Barat dari Zaman Awal hingga Pertengahan	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
4	Isu-isu Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa Rantau Asia Barat dari Zaman Awal hingga Pertengahan	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
5	Isu-isu Sains dan Teknologi Rantau Asia Barat dari Zaman Awal hingga Pertengahan	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
6	Isu-isu Kebudayaan, dan Kesenian di Rantau Asia Barat dari Zaman Awal hingga Pertengahan	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
7	Isu-isu Mutakhir tentang Politik, Pendidikan dan Hubungan Antarabangsa Rantau Asia Barat	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
8	Isu-isu Mutakhir tentang Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa Rantau Asia Barat	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
9	Isu-isu Mutakhir tentang Sains dan Teknologi Rantau Asia Barat	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
10	Isu-isu Mutakhir tentang Kebudayaan, dan Kesenian Rantau Asia Barat	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
11	Minoriti Muslim di Asia Barat dan Konflik Israel-Palastine	**2**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2.5**	**4.5**
12	Perbincangan	**2**	**0**	**0**	**4**	**2**	**0**	**2**	**2.5**	**12.5**
13	Perbincangan	**2**	**0**	**0**	**4**	**2**	**0**	**2**	**2.5**	**12.5**
14	Perbincangan	**2**	**0**	**0**	**4**	**2**	**0**	**2**	**2.5**	**12.5**
15 - 17	Seminar	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**2**	**0**	**3**	**5**
	Jumlah Jam Pembelajaran dalam Satu Semester	**28**	**0**	**0**	**12**	**6**	**2**	**6**	**38**	**87**
	Jumlah Jam Notional yang diperlukan									**80**
	Jumlah Jam Kredit Notional									**2.175**

HPP = Hasil Pembelajaran Program

HPP1 - Menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang kajian Asia Barat secara mendalam dan mengaplikasikannya secara efektif;
HPP2 - Mendemonstrasikan kefahaman yang sistematik dan mendalam tentang satu disiplin pengajian serta penguasaan kaedah penyelidikan berkaitan bidang tersebut;
HPP3 - Menyumbang penyelidikan asli yang melebarkan sempadan ilmu melalui kajian mendalam yang telah dibentang dan dipertahankan mengikut standard antarabangsa;
HPP4 - Menganalisis secara kritikal, mensintesis idea baru dan kompleks;
HPP5 - Berkomunikasi secara berkesan dengan komuniti intelek dan masyarakat umum dalam bidang kepakaran;
HPP6 - Mengilhamkan kemajuan ilmu pengetahuan dan inovasi berasaskan ilmu dari segi akademik dan profesional.

(9) Pemberat Penilaian

-Kehadiran	20 %
-Kertas kerja	40 %
(penilaian ke atas kk sahaja)	
-Pembentangan kertas kerja	20%
(kebolehan berhujah dlm pembentangan)	
-Penglibatan/keaktifan dlm kelas	20%
JUMLAH	100 %